

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' DR NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD (PASIR PUTEH)**  
**PERTANYAAN : LISAN**  
**TARIKH : 08.08.2017**

**Y.B. DATO' DR NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD [ PASIR PUTEH ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan nilai mata wang Malaysia (currency), yang ada pendapat menyatakan kedudukan nilai mata wang Malaysia akan menjadi yang terkukuh di Asian menjelang pilihan raya ke 14. Apakah dengan kenaikan nilai mata wang Malaysia ini, ekonomi akan pulih, Kerajaan akan membuka semula peluang-peluang pekerjaan, menilai semula pemberian dan penawaran biasiswa kepada pelajar-pelajar di IPTA dan IPTS serta ke seberang laut. Memandang kepada keadaan sekarang, apakah kedudukan sebenar yang dihadapi oleh rakyat dan negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Nilai ringgit semakin stabil dan meningkat sebanyak 4.7% (sehingga 26 Julai 2017) berbanding dolar AS pada tahun 2017. Ini disebabkan oleh beberapa faktor seperti peningkatan harga minyak mentah dunia (Brent) dalam tempoh tersebut serta kemasukan semula aliran dana portfolio pelabur bukan pemastautin ke dalam pasaran kewangan Malaysia.

2. Selain daripada itu, perkembangan penunjuk-penunjuk ekonomi utama Malaysia yang semakin positif turut menyumbang kepada peningkatan nilai mata wang ringgit sejak awal tahun ini. Antara penyumbangannya ialah pertumbuhan eksport dan KDNK yang lebih tinggi. Kegiatan ekonomi yang semakin memberangsangkan menunjukkan bahawa persekitaran dan asas ekonomi negara kian kukuh serta membantu meningkatkan sentimen pelabur dan seterusnya menyokong pengukuhan nilai ringgit.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peningkatan sentimen tersebut akan menarik lebih banyak pelaburan berkualiti ke dalam negara. Ini secara tidak langsung dapat merangsang potensi pertumbuhan sektor-sektor ekonomi dan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat untuk mencapai sasaran

penciptaan peluang pekerjaan baharu sebanyak 1.5 juta seperti yang disasarkan di bawah tempoh RMKe-11.

4. Pengukuhan eksport negara dengan peningkatan nilai eksport kepada RM224.7 bilion pada suku pertama tahun ini berbanding tahun lepas, iaitu peningkatan sebanyak 21.4% yang turut disokong oleh harga komoditi dunia yang semakin stabil seterusnya akan menyumbang kepada peningkatan hasil Kerajaan. Ini dapat membantu Kerajaan meneruskan pelaksanaan agenda pembangunan sosio-ekonomi yang telah dirancang untuk faedah rakyat termasuk pemberian biasiswa kepada pelajar-pelajar di IPTA dan IPTS untuk melanjutkan pengajian di dalam dan luar negara.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Sebagai sebuah ekonomi kecil dan terbuka, keadaan persekitaran luar yang tidak menentu termasuk volatiliti dalam pasaran kewangan dan harga minyak mentah dunia boleh memberi kesan kepada ekonomi Malaysia. Walau bagaimanapun, pembaharuan struktur dari segi ekonomi, kewangan dan fiskal telah menyediakan penampan yang mencukupi terhadap sebarang kejutan luar.

6. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ekonomi Malaysia dijangka kekal kukuh dengan mencatat pertumbuhan 4.3 hingga 4.8 peratus pada tahun 2017, dipacu terutamanya oleh permintaan domestik dan disokong oleh sektor luar yang lebih baik. Prospek pertumbuhan ekonomi yang semakin kukuh ini seterusnya dapat menyumbang kepada peningkatan kesejahteraan hidup rakyat.